

1249/1
SEJARAH
KERTAS 1
MASA 1 JAM
SEJ 1 2023

Nama :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

TREND LAYAK SIJIL SPM 2023

SEJARAH TINGKATAN 5

KERTAS 1
SATU JAM


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih **SATU** jawapan sahaja.*
4. **HITAMKAN** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*


Buku soalan ini mengandungi 13 muka surat termasuk kulit hadapan

- 1 Gambar berikut merupakan inskripsi Telaga Batu semasa zaman Srivijaya.



Apakah fungsi inskripsi tersebut?

- A Menulis karya kesusasteraan
 - B Mencatat rekod perdagangan
 - C Membuktikan kesetiaan rakyat
 - D Menerangkan salasilah keturunan raja Funan
- 2 Rajah berikut menunjukkan perubahan gelaran pemerintah Kesultanan Melayu Melaka.



Mengapa perubahan tersebut berlaku?

- A Penaklukan kuasa luar
 - B Penyebaran agama Islam
 - C Pertembungan kebudayaan
 - D Perjanjian antara pemerintah
- 3 Pada tahun 1688 telah berlaku peralihan kuasa di England. Mengapakah peralihan kuasa tersebut dikenali sebagai Revolusi Keagungan (Glorious Revolution)?
- A Peluasan empayar England
 - B Membentuk sebuah republik
 - C Tanpa berlaku pertumpahan darah
 - D Mendapatkan kemerdekaan mutlak

- 4 Maklumat berikut merupakan sebahagian daripada penulisan kreatif yang ditulis semasa zaman penjajah.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">● Melor Kuala Lumpur● Cerita Awang Putat |
|---|

Apakah tujuan penulisan kreatif tersebut?

- I Menggambarkan penderitaan rakyat
 - II Menyokong perjuangan British
 - III Memuatkan berita harian
 - IV Menyindir penjajah
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 5 Apakah faktor kejayaan tentera Bersekutu menewaskan Jerman dalam Perang Dunia Kedua?
- A Strategi yang berkesan
B Pengguguran bom atom
C Jumlah tentera yang ramai
D Sumber kewangan yang besar
- 6 Dasar pendudukan Jepun telah meninggalkan pelbagai kesan kesengsaraan dan penderitaan kepada rakyat.
Apakah pengajaran daripada peristiwa tersebut?
- I Berani membuat pertimbangan
 - II Amanah dalam pekerjaan
 - III Keperluan sifat bekerjasama
 - IV Waspada terhadap kuasa asing
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan bantahan akhbar Melayu terhadap Malayan Union.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Majlis • Utusan Melayu |
|---|

Bagaimanakah akhbar tersebut menentang Malayan Union?

- A Menjadikan akhbar sebagai alat propaganda
 B Menyeru orang Melayu berhimpun
 C Menyumbang bantuan kewangan
 D Mengadakan mogok lapar
- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan penyerahan Sarawak kepada British.

Rang Undang-Undang Penyerahan (Cession Bill)	
Menyokong	19 undi
Menentang	16 undi

Apakah kesan daripada keputusan tersebut?

- A Pengenalan pentadbiran pusat
 B Peningkatan taraf hidup pribumi
 C Kemunculan gerakan antipenyerahan
 D Undang-undang tempatan dimansuhkan
- 9 Bagaimanakah nasionalis Melayu radikal membuka minda rakyat ke arah proses kemerdekaan?
- A Menerbitkan akhbar
 B Menawarkan hadiah
 C Mengadakan lawatan
 D Menubuhkan persatuan
- 10 Terdapat cadangan warna latar belakang bendera kebangsaan Tanah Melayu dalam Perlembagaan Rakyat.
 Apakah cadangan warna tersebut?
- A Putih dan hijau
 B Merah dan putih
 C Biru dan kuning
 D Kuning dan hijau

- 11 Ideologi komunis dibawa masuk ke negara kita pada tahun 1920-an melalui negara China.
Apakah pertubuhan yang membawa masuk ideologi tersebut?

A Parti Kuomintang
B Parti Komunis Nanyang
C The Communist International
D Persatuan Orang Cina Peranakan

- 12 Dialog berikut mungkin berlaku semasa ancaman komunis di Tanah Melayu.

Pegawai British A	: Komunis cuba mewujudkan sebuah kerajaan republik komunis di Tanah Melayu.
Pegawai British B	: Pelbagai serangan untuk menggugat keamanan negara dilakukan bagi mencapai impian mereka.
Pegawai British C	: Jangan risau ada kebaikan tindakan mereka terhadap negara.

Apakah kebaikan tersebut?

A Mengadakan pilihan raya Majlis Perbandaran
B Memperkasakan pasukan keselamatan tempatan
C Mewujudkan kerjasama antara rakyat dan kerajaan
D Meningkatkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum

- 13 Kesatuan Melayu Muda (KMM) pimpinan Ibrahim Haji Yaakob telah memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui penyatuan bangsa dan dunia Melayu.

Apakah konsep yang diperjuangkan oleh KMM?

A Konsep Melayu Raya
B Konsep Hidup Melayu
C Konsep Merdeka dengan Darah
D Konsep pemerintahan demokrasi

- 14 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ditubuhkan pada tahun 1949, antara peranannya adalah penubuhan beberapa agensi.

Apakah isu yang selari dengan penubuhannya?

A Pendidikan
B Politik
C Ekonomi
D Kewarganegaraan


- 15 Jawatankuasa Pilihan Raya 1954 mengeluarkan dua bentuk penyata A dan B dalam penyusunan anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP). Maklumat manakah yang dirujuk kepada Bentuk B?
- A Dua orang ahli yang dilantik
 - B Sembilan orang wakil negeri
 - C Lapan orang tambahan lantikan oleh Pesuruhjaya Tinggi
 - D Enam puluh orang dipilih melalui pilihan raya
- 16 Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) berperanan menggubal undang-undang dan turut mengalami perubahan dari segi bilangan anggota selepas pilihan raya. Komposisi manakah merujuk kepada Majlis Perundangan Persekutuan 1948?
- I 52 orang ahli melalui pilihan raya
 - II 35 orang ahli berkepentingan
 - III 3 orang ex officio
 - IV 9 orang Residen
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 17 Mengapakah Suruhanjaya Reid dibentuk pada 8 Mac 1956?
- A Langkah penubuhan negara merdeka
 - B Membuat rundingan kemerdekaan
 - C Lanjutan rundingan kemerdekaan
 - D Menyusun perlembagaan
- 18 Apakah nilai yang diperoleh hasil kejayaan penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?
- A Menepati masa
 - B Permuafakatan
 - C Berusaha gigih
 - D Berwawasan

- 19 Berikut adalah peranan penting negara pada peringkat antarabangsa selepas mencapai kemerdekaan.

- Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- Sertai misi pengaman PBB ke Congo.

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berkaitan penglibatan tersebut?

- A Menjamin keamanan dan kestabilan politik
 - B Mempunyai pemimpin yang berwibawa
 - C Menerima pengiktirafan antarabangsa
 - D Memiliki tentera yang berdisiplin
- 20 Gambar berikut menunjukkan lambang negara kita.



Mengapakah lambang tersebut penting kepada negara?

- A Menunjukkan ketelusan jiwa
 - B Mewujudkan semangat jati diri
 - C Mempamerkan kehebatan rakyat
 - D Mengekalkan keharmonian negara
- 21 Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang berlaku di negara kita.

- Kemerdekaan Tanah Melayu 31 Ogos 1957
- Pembentukan Malaysia 1963

Peristiwa tersebut adalah berkaitan dengan

- A Kedaulatan
- B Demokrasi
- C Pentadbiran
- D Perlembagaan

- 22 Manakah antara berikut membuktikan kecemerlangan hubungan luar negara kita?
- A Mempertahan sempadan negara
 - B Menerima kemasukan buruh asing
 - C Memperkukuh kedudukan ekonomi
 - D Menganggotai pertubuhan antarabangsa

- 23 Undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka telah mempengaruhi undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu. Apakah undang-undang tersebut?

- A Undang-undang adat Melayu
- B Undang-undang Terengganu
- C Hukum Kanun Pahang
- D Hukum Kanun Manu

- 24 Maklumat berikut menunjukkan perkembangan politik di negeri Perak.


Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak yang dipengerusikan oleh Raja Muda Yusuf pada tahun 1877.

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Pelantikan residen British
 - B Penubuhan Majlis Raja-raja Melayu
 - C Pembentukan Sistem Jemaah Menteri
 - D Pembentukan undang-undang negara
- 25 Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja melaksanakan peranan sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi. Bagaimana perkara itu dapat dilaksanakan?

- A Membincangkan dasar negara
- B Merangka undang-undang
- C Memilih Jemaah Menteri
- D Membubarkan parlimen

- 26 Gambar berikut merupakan logo Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).



Apakah fungsi suruhanjaya tersebut?

- A Melaksanakan proses pilihan raya
 - B Memastikan kebebasan bersuara
 - C Menjamin keselamatan imigran
 - D Melindungi hak asasi rakyat
- 27 Antara berikut yang manakah kepentingan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- I Membentuk sistem Persekutuan
 - II Melicinkan perjalanan sistem Persekutuan
 - III Mengelakkan permasalahan antara kedua-dua pihak
 - IV Memastikan hubungan diplomatik antara negara dikekalkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 28 Kerajaan telah menjalankan Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk membina perumahan awam di seluruh negara. Apakah matlamat utama usaha tersebut?
- A Meningkatkan kemajuan
 - B Menghapuskan kemiskinan
 - C Memajukan sistem perhubungan
 - D Membantu golongan pertengahan memiliki rumah

29 Senarai berikut berkaitan usaha kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

- Referendum Singapura
- Rundingan London
- Suruhanjaya Cobbold

Mengapakah usaha tersebut dilaksanakan?

- A Menubuhkan gagasan Malaysia
- B Menyelaraskan kawasan sempadan
- C Membentuk pertubuhan serantau
- D Membentuk kerjasama ketenteraan

30 Antara berikut yang manakah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan?

- A Hal ehwal luar
- B Pendidikan
- C Pertahanan
- D Imigresen

31 Bagaimanakah kerajaan mengatasi ancaman gerakan komunis di Sarawak?

- I Melancarkan Rancangan Briggs
- II Melaksanakan perintah berkurang
- III Menjalankan operasi ketenteraan
- IV Melancarkan perang saraf

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Maklumat berikut berkaitan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi ancaman komunis di Sarawak.

Operasi Sri Aman

Apakah iktibar yang diperolehi daripada peristiwa tersebut?

- A Menyokong amalan demokrasi
- B Mempertahankan maruah negara
- C Kesanggupan menerima perubahan
- D Mematuhi peraturan dan undang-undang

33 Apakah yang dimaksudkan dengan integrasi kaum?

- A Rakyat hidup aman
- B Rakyat pelbagai etnik
- C Masyarakat yang bersatu
- D Proses merapatkan hubungan

34 Maklumat berikut berkaitan Rukun Negara yang dibentuk pada 29 Januari 1970.

➤ Rukun Negara dibentuk ekoran peristiwa 13 Mei 1969
➤ Rukun Negara hasil perbincangan Majlis Perundingan Negara (MAPEN)

Apakah badan yang bertanggungjawab membentuk Rukun Negara?

- A Majlis Gerakan Negara
- B Majlis Perpaduan Negara
- C Majlis Gerakan Perpaduan
- D Majlis Perundingan Perpaduan

35 Matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN) adalah untuk mencapai perpaduan melalui pengagihan kekayaan negara. Bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai?

- A Mengawal kadar inflasi
- B Melaksanakan ekonomi kawalan
- C Memantau pengurusan kewangan negara
- D Mengimbangi pembangunan antara negeri

36 Apakah yang dimaksudkan dengan pertanian pintar?

- A Penggunaan teknologi dalam pengeluaran
- B Membangunkan kemudahan fizikal
- C Meningkatkan integrasi ekonomi
- D Pengurusan sektor moden

- 37 Ilustrasi merujuk kegiatan perdagangan di Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16.



Dasar luar Malaysia sekarang dibina berlatarkan hubungan perdagangan dan diplomatik sejak dahulu lagi.

Negara manakah yang menjalankan hubungan perdagangan ketika itu?

- A Siam
 - B Pasai
 - C Luzon
 - D Makassar
- 38 Misi pengaman dihantar ke Congo pada tahun 1960 hingga 1964. Mengapakah misi ini disertai oleh Malaysia.
- A Membantu pentadbiran
 - B Mendaulatkan undang-undang
 - C Memberi latihan teknikal
 - D Menjadi jurubahasa
- 39 Kempen antiminyak kelapa sawit secara tidak langsung telah menggugat ekonomi negara. Apakah langkah Malaysia dalam menangani isu ini?
- A Forum ASEAN-China 1995
 - B Menggunakan Mahkamah Antarabangsa
 - C Bekerjasama dengan Polis Antarabangsa
 - D Pelaksanaan Good Agricultural Practices (GAP)

- 40 Dalam mengekalkan kelestarian global, Malaysia turut memberikan komitmen yang tinggi dalam pemeliharaan alam sekitar.
Apakah usaha yang dilakukan oleh negara kita?

- I Langkawi sebagai *geopark*
 - II Dasar Teknologi Hijau Negara
 - III Deklarasi Agenda 21
 - IV Protokol Kyoto 1997
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SOALAN TAMAT